

BAHAGIAN A

Pilih jawapan yang betul dengan menulis **A**, **B** atau **C** di dalam petak yang disediakan.

1. Dalam Islam, terdapat nama hari dan nama bulan mengikut susunan yang dikenali dengan nama takwim _____.
A. Masehi
B. Islam
C. Cina

☐
2. Ada _____ hari dalam takwim Islam.
A. 7
B. 8
C. 5

☐
3. Isra' Miraj disambut pada setiap _____.
A. 27 Syaaban
B. 27 Rejab
C. 27 Ramadan

☐
4. Hari Raya Aidil Fitri disambut pada bulan _____.
A. Syawal
B. Muharram
C. Ramadan

☐
5. Dalam majlis keramaian seperti majlis perkahwinan, pindah rumah dan doa selamat, kuih asli Brunei dijadikan sebagai hidangan atau ' _____ ' kepada para jemputan.
A. trofi
B. campur
C. saguhati

☐

BAHAGIAN B

Isi tempat kosong di bawah ini dengan jawapan yang betul.

rasmi	Muzik Asli	dua	cara
basah	petikan	Jala	

1. Kuih asli Brunei ada _____ jenis iaitu kuih kering dan kuih basah.
2. _____ Brunei sangat penting dalam kebudayaan orang Melayu Brunei.
3. Kuih _____ tidak tahan lama dan cuma boleh disimpan untuk 3 hari hingga ke-7 hari.
4. Peralatan muzik asli Brunei dimainkan dengan berbagai-bagai _____.
5. Di Negara Brunei Darussalam, takwim Islam digunakan di kementerian-kementerian kerajaan bagi surat-surat _____.
6. Kuih _____ berbentuk seperti rambut dan berwarna coklat.
7. Cara bermain peralatan muzik Asli Brunei boleh dimainkan sama ada melalui mulut, secara pukulan dan secara _____.

BAHAGIAN C

Tandakan dengan **(B)** bagi kenyataan yang betul atau **(S)** bagi kenyataan yang salah di bawah ini.

No	Kenyataan	(B) atau (S)
1	Ada 12 bulan di dalam takwim Islam.	
2	Nuzul Al-Quran disambut pada 17 Safar.	
3	Kelupis, Wajid, Penyaram, Ketupat dan Ardam adalah contoh kuih basah.	
4	Gulingtangan dimainkan dengan cara pukulan.	

BAHAGIAN D

Pilih dan tulis perkataan bagi makna kata pada ruang kosong di bawah ini.

	<i>Makna kata</i>	<i>Perkataan</i>	
1	Kalendar		Acuan Mengukus Petikan Takwim Patriotik Warisan Tradisional Kebudayaan Campur
2	Bekal		
3	Asal		
4	Alat untuk membentuk kuih		
5	Memanaskan sesuatu dengan menggunakan wap air mendidih		
6	Semangat mencintai negara		
7	Cara hidup		
8	Membunyikan sesuatu menggunakan jari		
9	Sesuatu yang ditinggalkan		